



E-BULETIN

2020

HOSPITAL BANTING

stay
safe



ISI KANDUNGAN

1 **Kata Aluan Pengarah Hospital**

2 – 5 **Aktiviti Jabatan / Unit**

6 **Sumbangan semasa Pandemik
Covid-19**


7 **Maklum Balas**

8 **Keratan akhbar berkaitan Covid-19**

9 **Langkah-Langkah Pencegahan
Penularan Covid-19 di Tempat Kerja**

10 **Info Sihat : Pencegahan bagi
Petugas Kesihatan semasa Wabak
Covid-19**

11 **Sudut Hiburan**



Kata Aluan

PENGARAH HOSPITAL

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, e-Buletin Hospital Banting dapat diterbitkan bagi tahun 2020, tahun yang mencatat sejarah tersendiri dalam landskap kesihatan global akibat pandemik COVID-19.

Tahun ini merupakan detik yang amat mencabar bukan sahaja kepada negara, malah kepada seluruh warga hospital yang berada di barisan hadapan. Penularan virus COVID-19 telah mengubah norma kehidupan dan cara kita bekerja, memberikan tekanan luar biasa terhadap sistem kesihatan, serta menguji kecekalan dan ketahanan mental setiap daripada kita. Namun begitu, saya amat berbangga dengan semangat, dedikasi, dan profesionalisme tinggi yang ditunjukkan oleh semua warga hospital. Anda semua adalah wira tidak didendang yang sentiasa cekat dalam menghadapi gelombang pandemik ini demi keselamatan dan kesihatan rakyat.

Marilah kita terus berdoa agar pandemik ini segera berakhir, dan semoga segala usaha yang dicurahkan diberkati serta menjadi inspirasi untuk terus memperkukuh sistem kesihatan negara.

“Saling Membantu, Saling Memerlu”

Sekian, terima kasih.



YBrs. Dr. Fakhruddin bin Amran

Pengarah Hospital
Hospital Banting

JABATAN RADIOLOGI

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan:

- Kursus Trauma Imaging 3.0
- Penyeliaan dan Audit Imej Kualiti
- Kaunter Saringan Covid-19
- Kempen penjarakan sosial



*Kempen
Penjarakan Sosial*



*Tugasan
Radiocovid*

JABATAN OBSTETRIK DAN GINEKOLOGI

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan:

- Shoulder Dystocia Drill
- CPG Update: Diabetes Mellitus in Pregnancy
- Majlis Bacaan Doa Selamat Jabatan Obstetrik dan Ginekologi
- Postpartum Hemorrhage Drill



JABATAN PATOLOGI

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan:

- CME peringkat jabatan dan hospital
- User Training (Rapid-Test Kid Covid-19 Antigen)
- Uriscan Pro



User Training




*CME peringkat
hospital/jabatan*

UNIT KEJURURAWATAN



Sambutan Hari Jururawat Juruwat pada tanggal 12 Mei 2020

UNIT Kesihatan Awam



*Pengurusan hospital semasa
Pandemik Covid-19*

SUMBANGAN semasa Pandemik COVID-19



MAKLUM BALAS



Nur Azlina Ahmad Turidi
06/10/2020 ~ 11:27:23

Saya dan ibu ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada **Encik Ma Noorhisham bin Basri** yang berkhidmat di Hospital Banting atas khidmat cemerlang beliau ketika waktu berkerja dan diluar waktu berkerja. Ibu saya (pesakit) telah dimasukkan ke bahagian kecemasan pada oktober 2020 atas kecederaan patah tangan. Walaupun saya dan ibu (pesakit) tidak mengenali beliau secara peribadi, tetapi beliau sanggup memberikan konsultasi dan menjawab semua persoalan kami, ketika kami terserempak diluar iaitu ketika dluar waktu berkerja beliau. Penjelasan dan nasihat beliau jelas menunjukkan pengalaman dan ilmu yang banyak dalam bidang ini dimana beliau telah menunjukkan sikap dedikasi yang tinggi terhadap kerjaya beliau dan wajar diberi penghargaan atas khidmat cermelang beliau.



Farah Azrina Bt Samsudin
17/07/2020 ~ 12:05:28

Terima Kasih dan tahniah di ucapkan kepada staff Nurse **Fatin Fatimah di Wad 6 Kenanga Hospital Banting** kerana memberi perawatan kepada mak saya dengan layanan yang sangat baik dan mesra serta melakukan procedure dengan baik, berhemah dan cermelang. Tahniah juga di ucapkan kepada semua staff wad 6 kenanga di Hospital Banting kerana berkerja dengan sangat komitmen dan cemerlang, semoga SN Fatin Fatimah menjadi jururawat yang boleh di contohi

Keratan Akhbar Covid-19

Penularan coronavirus

Cari individu ada kontak rapat pesakit

Mangsa ke-18
kini dirawat
Hospital
Sungai Buloh

Oleh Mohamed Farid Noh, Nor
Azizah Mokhtar, Ilah Hafiz Aziz
dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Ahli keluarga dan pegawai kesihatan adalah antara 22 individu dipercayai mempunyai kontak rapat dengan seorang lelaki tempatan berusia 31 tahun, yang disahkan positif jangkitan coronavirus baharu (2019-nCoV), kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kontak rapat berkenaan termasuk tiga ahli keluarganya iaitu ibu, adik dan anak saudaranya serta 19 orang pegawai kesihatan yang dikesan pagi semalam.

Sehingga kini, pihaknya masih mengenal pasti kontak rapat lain dan menjalankan aktiviti pencegahan serta kawalan, termasuk memberikan pendidikan kesihatan.

"Berhubung kes baharu iaitu kes ke-18 yang dimaklumkan pada awal tadi (semalam), lelaki berkenaan sudah dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh (HSB) dan sedang menerima rawatan.

"Aktiviti pengesanan kontak sudah dijalankan KKM dengan seramai 22 kontak rapat dikesan. Kontak rapat ini dikesan terdiri daripada mereka yang berhubung rapat dengan kes yang disahkan positif.

"Ia membabitkan mereka yang mempunyai kontak rapat dalam lingkungan satu meter dengan kes positif 2019-nCoV termasuk anggota kesihatan yang merawat kes tanpa memakai peralatan perlindungan diri (PPE) seperti disarankan dan mereka yang tinggal di rumah sama," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media harian berhubung isu 2019-nCoV di kementeriananya di sini, semalam.

Ditanya sama ada kerajaan akan mengeluarkan amaran tahap jingga seperti yang dilakukan kerajaan Singapura, Dr Dzulkefly berkata Malaysia tidak menggunakan kaedah sama dengan negara berkenaan.

"Kita mempunyai tahap tertent-



Dr Dzulkefly (kanan) bersama timbalannya, Dr Lee Boon Chye pada sidang media di Kementerian Kesihatan, Putrajaya, semalam.

(Foto Ahmad Ibrahim Mohd Noor/BH)

tu untuk menggambarkan keadaan di negara ini dan dipecah kepada tiga tahap iaitu amaran, pembendungan awal, pembendungan akhir dan mitigasi. Malaysia kini berada pada tahap pembendungan awal," katanya.

Jumaat lalu, Singapura mengumumkan Amaran Kedudukan Sistem Tindak Balas Perubatan Penyakit (DORSCON) dinaikkan dari tahap kuning ke jingga bagi membendung penularan 2019-nCoV.

Sementara itu, lelaki tempatan berusia 31 tahun yang bekerja di Macau, China dan mempunyai sejarah perjalanan melawat China disahkan positif coronavirus 2019-nCoV.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah,

berkata lelaki itu sudah dirujuk ke Hospital Sungai Buloh.

"Lelaki itu melawat China sebelum kembali ke Malaysia pada 1 Februari lalu dan mula tidak sihat serta batuk beberapa hari kemudian.

"Pada 4 dan 6 Februari, dia ke klinik dan diberi ubat namun masih tidak sihat sebelum dirujuk ke Hospital Banting untuk pemeriksaan dan rawatan pada 7 Februari.

"Setelah disaring dan disiasat, beliau dikesan mengalami radang paru-paru dan dimasukkan ke hospital itu. Dia didapati menghidap *Severe Acute Respiratory Infection* (SARI) dan memerlukan pemantauan rapi," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

COVID-19 nama rasmi 2019-nCoV

Kuala Lumpur: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengumumkan, nama rasmi novel coronavirus 2019 (2019-nCoV) ialah COVID-19 yang bermaksud 'Penyakit Virus Korona'.

Ketua Pengarah WHO, Dr Tedros Adhanom Ghebreyesus, menjelaskan bahawa 'CO' bermaksud 'corona'; 'VI' (virus) dan 'D' (penyakit).

"Mengikut garis panduan diperseetujui di antara WHO, Pertubuhan Kesihatan Haiwan Se-

dunia (OIE) dan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), kami harus mencari nama yang tidak merujuk kepada lokasi geografi tertentu, haiwan, individu atau mana-mana kumpulan manusia dan berkaitan dengan penyakit ini.

"Dengan nama rasmi ini, ia mengelakkan penggunaan nama lain yang tidak tepat dan menimbulkan stigma. Ia memberikan kami format standard bagi sebarang wabak coronavirus pada masa depan," katanya.

Sumber : Berita Harian, 2020

Sumber : Berita Harian, 2020

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN PENULARAN COVID-19 DI TEMPAT KERJA

Tanggungjawab majikan di tempat kerja

1. Menyediakan tempat mencuci tangan atau pensanitasi tangan.
2. Amalan penjarakan sosial 1 meter di ruang kerja dan ruang makan.
3. Elakkan pekerja berkumpul di ruang yang sempit.
4. Elakkan terlalu ramai pekerja pada satu-satu masa.
5. Amalkan penjarakan fizikal 1 meter semasa bertutur
6. Kerap melakukan proses nyah kuman dan nyah cemar di ruang guna sama.

Tanggungjawab pekerja

1. Memakai pelitup muka.
2. Tidak bersembang dekat.
3. Menjaga kebersihan tempat makan dan fasiliti guna sama.
4. Memantau gejala
5. Jika bergejala, maklumkan kepada majikan, elakkan datang bertugas dan dapatkan pemeriksaan segera..

Info Sihat

COVID - 19

PENCEGAHAN BAGI PETUGAS KESIHATAN SEMASA WABAK COVID - 19

Dapatkan maklumat berkenaan COVID-19 setiap hari

Amalkan kebersihan tangan dan diri


Amalkan jarak sosial apabila tidak merawat pesakit

Pakai alat pelindung seperti yang disarankan

Dapatkan penilaian kesihatan jika didapati tidak sihat atau mengesyaki terdedah kepada pesakit atau kontak pesakit COVID-19

Kekal sihat dengan bersenam, makan secara sihat dan tangani stres dengan bijak

Sebarang pertanyaan sila rujuk Pegawai Unit Kesihatan Pekerjaan dan Unit Kesihatan Awam

Kementerian Kesihatan Malaysia | [f](#) [t](#) [v](#) [i](#) | [myhealthkkm](#) | [MyHEALTH](#) for you | [www.myhealth.gov.my](#) |  SCAN ME

Sumber : Portal Rasmi Bahagian Pendidikan Kesihatan

Cari Perkataan Tersembunyi

K K L U S T E R K L H J C R I Y X B
U Y C O R O N A V I R U S G N K U J
A L P J Z A A P E R G E R A K A N F
R B A R G E J A L A Y W R D U W H O
A I N T I R X T H G R M B G B A K H
N G D E C L S I S O L A S I A L F P
T U E C A X U E N U P G O U S A H T
I S M R Y B U I O Z X Z B I I N V T
N N I N C G B P E N C E G A H A N O
V C K R A W A T A N U Y L J B W S B
B U K N M T L G D Y B U T M Z X C X
J R D Q K E B E R S I H A N M A Z F

- CORONAVIRUS
- PENCEGAHAN
- KEBERSIHAN
- PERGERAKAN
- KUARANTIN
- PANDEMIK
- INKUBASI
- RAWATAN
- ISOLASI
- KLUSTER
- KAWALAN
- GEJALA

SELAMAT DATANG
di
HOSPITAL BANTING

DITERBITKAN OLEH:

